



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel : +603-7968 7044 | Faks : +603-7954 7125

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)

www.mqa.gov.my

OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

MQA Malaysia (@MQAMalaysia)

MQA_Malaysia



Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jilid 2 (4)

Tarikh : 12 Februari 2018

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 1/2018


PENYELARASAN STANDARD DIPLOMA EKSEKUTIF DENGAN DASAR PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KREDIT [APEL(C)]

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) melalui Surat Pekeliling MQA Bil. 4/2016 bertarikh 17 November 2016 telah mewajibkan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menawarkan program Diploma Eksekutif (DE) untuk mengguna pakai instrumen 'Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [APEL(C)]' bagi penilaian pengalaman terdahulu pelajar program DE.

3. Setelah mempertimbangkan maklum balas PPT berkaitan hal penyelarasan Standard DE dengan APEL(C), MQA bersetuju dengan ketetapan seperti berikut:

KATEGORI	STATUS PROGRAM	KETETAPAN
1	Program DE dengan struktur kurikulum minimum sebanyak 90 kredit. (Ini termasuk program DE yang telah diubah struktur kurikulum daripada 60 kredit kepada 90 kredit, sama ada struktur kurikulum tambahan sebanyak 30 kredit telah lulus atau sedang dalam proses penilaian MQA.)	i. PPT dibenarkan membuat pengambilan pelajar baharu; dan ii. PPT dibenarkan memberi pindah kredit maksimum sebanyak 30 kredit kepada pelajar yang mempunyai tiga tahun pengalaman dalam bidang berkaitan berdasarkan sistem penilaian PPT sedia ada.



KATEGORI	STATUS PROGRAM	KETETAPAN
2	Program DE berstatus Akreditasi Sementara (MQA/PA) atau Akreditasi Penuh (MQA/FA) yang belum membuat perubahan struktur kurikulum minimum asal 60 kredit kepada 90 kredit.	PPT dibenarkan membuat pengambilan pelajar hanya setelah mengemukakan penambahbaikan struktur kurikulum minimum program DE sebanyak 90 kredit kepada MQA.

4. Ketetapan yang dinyatakan pada Kategori 1 hanya diberikan selama 6 bulan bermula daripada tarikh surat makluman ini. Pelajar DE yang diambil selepas tamat tempoh 6 bulan tersebut hanya boleh diberi pindah kredit berdasarkan pengalaman dalam bidang berkaitan setelah PPT mendapat kelulusan melaksanakan APEL(C).

5. Program DE pada Kategori 2 akan tertakluk kepada ketetapan pada Kategori 1 sekiranya kurikulum tambahan minimum 30 kredit dikemukakan oleh PPT dalam tempoh 6 bulan bermula daripada tarikh surat makluman ini.

6. Bagi PPT yang berminat untuk menawarkan program DE baharu, PPT boleh mengemukakan permohonan untuk mengendalikan program tersebut kepada MQA dengan memastikan kurikulum DE adalah minimum 90 kredit. Tiada pindah kredit atas pengalaman pelajar dibenarkan sehingga PPT mendapat kelulusan melaksanakan APEL(C).

7. Selaras dengan makluman ini, MQA memohon agar semua PPT memberi perhatian yang sewajarnya terhadap perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,


 (DATO' DR. RAHMAM BINTI MOHAMED)
 E-mel: rahmah@mqa.gov.my

 Pejabat Naib Canselor	
Edaran untuk tindakan :	
<input checked="" type="checkbox"/> TNC (Antarabangsa & Antarabangsa)	Pro Naib Canselor (Antarabangsa)
<input type="checkbox"/> TNC (Penyelidikan & Inovasi)	Pengarah Kanan UTM QRIM
<input type="checkbox"/> TNC (Perkhidmatan Mahasiswa & Alumni)	Pengarah Kerja
<input type="checkbox"/> TNC (Pembangunan)	Pengarah CICT
<input type="checkbox"/> PPK-Pn	Pegawai Undang-Undang
<input type="checkbox"/> Pengarah HEK	Pegawai Khas NC
<input type="checkbox"/> Bendahari	PPK-Pn Hazila Rahmat
<input type="checkbox"/> Ketua Pustakawan	PP-Cik Ardawati Adnan
<input type="checkbox"/> Pro Naib Canselor (UTMKL)	Setiausaha Khas NC
<input type="checkbox"/> Pro Naib Canselor (Pengurusan Strategi)	Dekan
Catatan:	
Tandatangan :	Tarikh : 18/3/18